

# AGAPURIN RETARD TABLET

Pentoxifylline 400 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Agapurin
2. Bagaimana Agapurin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Agapurin
4. Cara menggunakan Agapurin
5. Semasa menggunakan Agapurin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Agapurin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Agapurin

Agapurin digunakan untuk meningkatkan aliran darah untuk

- Penyakit arteri oklusif periferal (peredaran darah lemah untuk tangan dan kaki).
- Penyakit arteriosclerosis (penebalan dan pengerasan dinding salur darah)
- Gangguan trofik (contohnya ulser kaki dan gangrene) atau etiologi kencing manis

Agapurin juga boleh merawat gangguan peredaran darah di dalam otak akibat daripada arteriosclerosis yang boleh menyebabkan kekurangan keupayaan tumpuan, pening, pelupa, sekatan bekalan darah ke tisu dan pasca strok.

## Bagaimana Agapurin berfungsi

Agapurin mengandungi bahan aktif yang dipanggil Pentoxifylline.

Agapurin mengurangkan kelikatan darah lalu membantu dalam meningkatkan bekalan darah dan pengoksgigenan tisu. Agapurin juga menghalang platelet daripada agregasi dan melekat.

## Sebelum menggunakan Agapurin

### Bila tidak boleh menggunakan

Elakkan jika anda alergik kepada mana-mana bahan Agapurin.

Elakkan jika anda mengalami:

- Pendarahan yang teruk
- Pendarahan dalam otak atau mata
- Pendarahan diatesis (kecenderungan pendarahan)
- Sakit jantung.

Disebabkan kekurangan pengalaman klinikal, Agapurin tidak digalakkan

untuk digunakan pada kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Agapurin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Agapurin jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### Sebelum mula menggunakan

Maklumkan kepada doktor anda sebelum mengambil Agapurin, jika anda menghidapi:

- Tekanan darah rendah
- Rentak jantung yang teruk
- Pengerasan salur darah di jantung, sistem peredaran atau masalah otak
- Kemerosotan teruk fungsi hati
- Kegagalan buah pinggang yang teruk.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Agapurin perlu diberikan dengan berhati-hati dengan ubat-ubatan berikut:

- Ubat menurunan tekanan darah, agen vasodilator, *sympatholytic*, penghalang ganglion yang boleh menyebabkan penurunan tekanan darah yang banyak.
- Agonis simpatetik dan *xanthines*
- Insulin dan agen diabetik oral. Tahap gula dalam darah perlu dipantau kerana kesan penurunan gula akan dipertingkatkan.
- Agen pencairan darah, antiplatelet dan ejen trombolitik yang akan meningkat risiko komplikasi pendarahan. Tahap protrombin perlu dipantau secara berkala apabila digunakan serentak dengan agen pencairan darah.
- Pengambilan serentak pentoxifylline dengan kerololac harus dielakkan kerana ini akan membawa kepada peningkatan risiko pendarahan dan/atau pemanjangan masa prothrombin.

Jika anda tidak pasti sama ada Agapurin boleh diambil bersama-sama dengan ubat-ubatan lain, sila rujuk kepada doktor dan ahli farmasi kerana mereka akan mempunyai butiran lebih lanjut dan senarai ubat-ubatan yang lengkap.

## Cara menggunakan Agapurin

### Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos permulaan dewasa biasanya adalah 400mg 3 kali sehari pada minggu pertama, maka dos boleh dikurangkan kepada 400mg dua kali sehari bergantung kepada keadaan anda. Dos harian maksimum adalah 1200mg.

## Dos untuk pesakit bermasalah buah pinggang:

Doktor anda boleh mengurangkan dos sebanyak 30-50% jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

### Bila perlu digunakan

Tablet boleh ditelan sepenuhnya pada masa yang sama setiap hari, sebaik-baiknya dengan makanan dan sedikit air.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos

# AGAPURIN RETARD TABLET

Pentoxifylline 400 mg

berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda dos berlebihan termasuk:

- Loya
- Pening
- Denyutan jantung perlahan yang tidak normal
- Tekanan darah rendah
- Demam
- Tidak sedarkan diri
- Simptom seperti sawan
- Pendarahan di dalam perut atau usus
- Pendarahan gastrousus

## Semasa menggunakan Agapurin

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Agapurin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Agapurin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

**Memandu dan menggunakan jentera**  
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Agapurin boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan termasuk:

- Saluran gastrousus: muntah-muntah, loya, ketidakselesaan gastrik.
- Sistem saraf pusat: sakit kepala, kekeliruan, keresahan, gangguan tidur, kerap berpeluh.
- Kulit: tindak balas hipersensitiviti - ruam kulit, urtikaria, gatal-gatal yang biasanya reda selepas menghentikan rawatan.
- Sistem kardiovaskular: Degupan jantung cepat yang tidak normal, tekanan darah rendah, degupan jantung yang tidak teratur, sakit dada dan susah bernafas, pendarahan dalam organ-organ (terutamanya di kalangan pesakit pendarahan diatesis), reaksi alahan yang teruk.

Jika mana-mana kesan sampingan semakin serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Agapurin

### Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh tamat yang dinyatakan pada pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Tablet bersalut yang berbentuk lentikular dan berwarna putih.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- Pentoxifylline

Bahan tidak aktif

- Water Purified
- Talc
- Polyvidone K 25
- Macrogol E 6000
- Eudragit RSPO
- Eudragit RL100
- Eudragit RS 100
- Calcium Stearate
- Dichloromethane
- Isopropyl Alcohol
- Magnesium Stearate

**MAL number:** MAL20012998A

### **Pengilang**

SLOVAKOFARMA  
Zeleznicna 12,  
920 27 Hlohovec,  
SLOVAKIA

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

PAHANG PHARMACY SDN. BHD.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile Off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor  
MALAYSIA

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

06/11/2015

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)060815/00234